

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/89

CSK101 - Kenalfaham Komputer

Tarikh: 25 Oktober 1988

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 7 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Berikan arahan-arahan Wordstar untuk melaksanakan operasi-operasi berikut:

(i) menghitung nombor-nombor di dalam satu blok lajur (column block)

(ii) memasukkan nombor-nombor dengan titik perpuluhan untuk satu jadual seperti di bawah:

no.lajur	10	15	45	60
	10.00	43.30	60.00	15.00

(iii) mencetak beberapa muka surat yang terpilih dari sesuatu dokumen

(30/100)

(b) Andaikan satu fail pangkalan data bernama UJIAN telah dicipta dengan menggunakan Dbase 3+. Setiap rekod mempunyai maklumat-maklumat seperti contoh di bawah:

NAMA_PEL	AHMAD
BAH_MAL	90
BAH_ING	50
MATEMATIK	75
SAINS	70
JUMLAH	
PURATA	

.../2

Terangkan secara ringkas cara untuk:

- (i) mengisi data dengan cepat dan mudah untuk medan JUMLAH dan PURATA di dalam tiap-tiap rekod tersebut
- (ii) membentuk satu fail baru dari fail UJIAN yang mengandungi medan NAMA, JUMLAH dan PURATA (namakan fail tersebut sebagai SALINI)
- (iii) menghasilkan satu laporan seperti di bawah:
(namakan fail ini sebagai LAPOR1)

LAPORAN PEPERIKSAAN

NAMA PELAJAR	JUMLAH MARKAH	PURATA MARKAH
.	.	.
		(30/100)

- (c) Bincangkan tentang sejarah perkembangan komputer atau bahasa pengaturcaraan.

(40/100)

2. (a) Apakah ciri-ciri yang sepatutnya ada pada sesuatu pakej pemprosesan perkataan?

(20/100)

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan Pemprosesan Data Elektronik? Nyatakan peranan yang dimainkannya pada hari ini.

(20/100)

.../3

(c) Nyatakan arahan-arahan Dbase 3+ untuk operasi-operasi berikut:

- (i) mencapai sesuatu fail Dbase 3+ yang telah sedia ada
- (ii) menambah rekod ke dalam fail pangkalan data
- (iii) menukar struktur sesebuah pangkalan data
- (iv) menghapuskan rekod secara kekal dari fail pangkalan data

(20/100)

(d) Berikan arahan-arahan LOTUS 123 untuk operasi-operasi berikut:

- (i) menyalin satu julat sel dari A4-C4 ke D4-F4
- (ii) menghapuskan satu barisan data di atas kertas kerja
- (iii) menukar kelebaran lajur C dan D kepada 12
- (iv) mencapai satu fail LOTUS (kertas kerja) yang telah sedia ada

(20/100)

(e) Terangkan tentang jenis-jenis perkakasan input selain daripada papan kunci yang boleh digunakan untuk memasukkan data ke dalam sistem komputer.

(20/100)

3. (a) Terangkan ciri-ciri penting yang ada pada mesin-mesin elektronik seperti komputer yang menyebabkan iaanya digunakan dengan meluas di dalam kerja-kerja pemprosesan data.

(20/100)

.../4

- (b) Andaikan satu kertas kerja yang bernama AKHIR telah dicipta menggunakan LOTUS 123 untuk merekodkan keputusan peperiksaan. Kertas kerja tersebut mempunyai maklumat-maklumat seperti jadual di bawah:

	A	B	C	D	E	F	G
1	NAMA	UJIAN1	UJIAN2	P.AKHIR	PURATA		
2							
3	ALI	80	75	40			
4	AH KOW	65	90	55			
5	DEWI	78	30	35			
6	LINDA	50	80	40			
7	MUTHU	70	40	45			
8							
9	PURATA						
10							

- (i) Berikan formula dan fungsi matematik (mathematical functions) yang digunakan untuk mengira kandungan sel-sel
- (A) E3 - E7
(B) B9 - D9
- (ii) Apakah langkah-langkah yang patut diambil untuk menyelitkan satu barisan baru iaitu untuk FATIMAH? Nyatakan perubahan-perubahan yang berlaku terhadap kertas kerja tersebut.
- (iii) Apakah langkah-langkah yang patut diambil untuk menggerakkan satu julat sel dari satu bahagian kepada bahagian lain di atas kertas kerja anda. Iaitu dari D1-E7 kepada F1-G7 (tunjukkan pergerakkan tersebut di dalam jawapan anda).

(30/100)

- (c) Bincangkan mengenai penggunaan komputer di bidang kewangan (bank).

(30/100)


.../5

- (d) Bagi suatu negara yang diklasifikasikan sebagai masih membangun, seperti Malaysia, bincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi di bidang sains dan teknologi komputer.

(20/100)

4. (a) Berikan arahan-arahan Wordstar untuk melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

- (i) memperolehi hasil cetakan seperti berikut:



(b) $ax^3 + bx^2 + cx + d = 0$

- (ii) menyalin satu blok teks

- (iii) menghapuskan semua perhentian tab dan menetapkan perhentian tab baru

- (iv) menjajarkan perenggan (align paragraph)

(30/100)

- (b) (i) Apakah jenis-jenis maklumat ataupun data yang boleh dimasukkan di dalam kandungan sel, dan berikan contoh-contoh data bagi setiap jenis

- (ii) Bagaimanakah caranya untuk:


- (A) merujuk kepada sel-sel dan kandungannya

- (B) mengedit kandungan sel

(30/100)

.../6

- (c) Berikan arahan-arahan Wordstar untuk menjanakan laporan yang mempunyai format berikut.



Dokumen tersebut hendaklah memenuhi spesifikasi berikut:

- (i) panjang mukasurat hendaklah 88 baris
(8½" x 11")
- (ii) kelebaran aksaranya ialah 10 aksara
- (iii) ketinggian barisannya ialah 6 baris

(20/100)

.../7

- (d) Terangkan tentang langkah-langkah yang terlibat di dalam membangunkan suatu sistem berasaskan komputer.

(20/100)

5. (a) Bezakan di antara:

- (i) penjana aplikasi dan penjana aturcara
- (ii) storan sekunder dan storan utama
- (iii) RAM, ROM, PROM DAN EPROM
- (iv) pengkompil dan penterjemah.

(20/100)

- (b) Apakah kebaikan-kebaikan penggunaan pakej LOTUS 123 jika dibandingkan dengan cara manual (pen dan kertas)? Nyatakan bidang-bidang penggunaannya.

(20/100)

- (c) Bincangkan tentang pengaruh teknologi komputer terhadap kehidupan manusia pada hari ini.

(30/100)

- (d) (i) Apakah arahan-arahan Dbase 3+ yang boleh digunakan untuk menyusun rekod-rekod di dalam fail pangkalan data?
(ii) Bincangkan perbezaan-perbezaan serta nyatakan kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan arahan-arahan tersebut.

(30/100)

...ooOoo...

